



Sistem

Taksir

Sendiri

**CUKAI PENDAPATAN
PERTUBUHAN**

BUKU PANDUAN

2011

Sila guna kod perniagaan baru (MCIS 2008) mulai 15 Februari 2011 seperti di Lampiran G

TAMBAHAN / PINDAAN

| Bil | Perkara | Muka Surat |
|-----|--|------------------|
| 1. | Warta Kerajaan P.U.(A) 360/2011 – Berhubung penentuan pendapatan larian seseorang yang berhubung transaksi dengan bukan ahli | Lampiran ms - 50 |

kemas kini 24 Februari 2012

BERSAMA

MEMBANGUN

NEGARA

KANDUNGAN BUKU PANDUAN

| PERKARA | Muka Surat |
|---|-------------------|
| Pendahuluan | 1 |
| Apakah Buku Panduan Borang TF | 1 |
| Peringatan Sebelum Mengisi Borang | 3 |
| Bahagian 1 — Borang TF | |
| Maklumat Asas | 4 |
| Bahagian A: Maklumat Pertubuhan | 4 |
| Bahagian B: Pendapatan Berkanun, Jumlah Pendapatan dan Jumlah Cukai Yang Dikenakan (Bagi pertubuhan yang BERMASTAUTIN di Malaysia) | 7 |
| Bahagian C: Pendapatan Berkanun, Jumlah Pendapatan dan Jumlah Cukai Yang Dikenakan (Bagi pertubuhan yang TIDAK BERMASTAUTIN di Malaysia) | 12 |
| Bahagian D: Cukai Kena Dibayar/Dibayar Balik | 14 |
| Bahagian E: Kedudukan Cukai Tahun Taksiran 2011 | 15 |
| Bahagian F: Pendapatan Tahun Kebelakangan Yang Belum Dilaporkan | 15 |
| Bahagian G: Maklumat Pendapatan Perniagaan | 16 |
| Bahagian H: Perbelanjaan Khas, Potongan Selanjutnya Dan Potongan Dua Kali | 18 |
| Bahagian J: Tuntutan Insentif | 18 |
| Bahagian K: Maklumat Kewangan Pertubuhan | 19 |
| Bahagian L: Maklumat Pendapatan Yang Dikecualikan | 22 |
| Akuan Pentadbir Utama Pertubuhan | 22 |
| Maklumat Firma dan Tandatangan Orang Yang Menyediakan Borang Nyata Ini | 22 |
| Bahagian 2 — Helaian Kerja | |
| HK-1 – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan | 23 |
| HK-1B – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Perkongsian | 26 |
| HK-1C – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Bagi Pertubuhan Yang Menikmati Insentif Di Bawah Jadual 7A | 27 |
| HK-1D – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Bagi Pertubuhan Yang Menikmati Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak | 27 |
| HK-1E – Pengiraan Pendapatan Berkanun Bagi Perniagaan Perintis | 27 |
| HK-1.1 – Elaun Perlombongan | 28 |
| HK-1.2 – Rumusan Elaun Modal | 28 |
| HK-1.3 – Pelarasan Kerugian Bagi Perniagaan Dan Perkongsian | 28 |
| HK-1.4 – Pelarasan Kerugian Bagi Perniagaan Perintis | 29 |
| HK-2 – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| HK-3 – Tolakan Cukai Seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (Dividen) | 29 |
| HK-4A – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| HK-4B – Butir-butir Harta / Aset Dan Jumlah Sewa | 29 |
| HK-5 – Pengiraan Pendapatan Berkanun Faedah / Royalti | 30 |
| HK-6 – Tolakan Cukai Di bawah Seksyen 110 (Lain-lain) | 30 |

| PERKARA | | Muka Surat |
|----------------|--|-------------------|
| HK-7 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| HK-8 | – Pendapatan Daripada Negara Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 132 | 30 |
| HK-9 | – Pendapatan Daripada Negara Bukan Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 133 | 30 |
| HK-10 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| HK-11 | – Bayaran Tahun Asas Kepada Bukan Pemastautin (Cukai Pegangan) | 30 |

KANDUNGAN HELAIAN KERJA

(Kertas Bertanda Biru)

| Siri | | Helaiian Kerja Muka Surat |
|-------------|---|--------------------------------------|
| HK-1 | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan | 1 |
| HK-1B | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Perkongsian | 4 |
| HK-1C | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Bagi Pertubuhan Yang Menikmati Insentif Di Bawah Jadual 7A | 6 |
| HK-1D | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Bagi Pertubuhan Yang Menikmati Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak | 10 |
| HK-1E | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Bagi Perniagaan Perintis | 14 |
| HK-1.1 | – Elaun Perlombongan | 18 |
| HK-1.1A | – Rumusan Elaun Perlombongan | 20 |
| HK-1.2 | – Rumusan Elaun Modal | 21 |
| HK-1.2.1 | – Elaun Pertanian | 22 |
| HK-1.2.1A | – Rumusan Elaun Pertanian | 24 |
| HK-1.2.2 | – Elaun Perhutanan | 25 |
| HK-1.2.2A | – Rumusan Elaun Perhutanan | 27 |
| HK-1.2.3 | – Elaun Bangunan Industri | 28 |
| HK-1.2.3B | – Rumusan Elaun Bangunan Industri | 30 |
| HK-1.2.4 | – Elaun Loji Dan Jentera | 31 |
| HK-1.2.4A | – Rumusan Elaun Loji Dan Jentera | 33 |
| HK-1.2A | – Rumusan Perbelanjaan Modal | 34 |
| HK-1.3 | – Pelarasan Kerugian Bagi Perniagaan Dan Perkongsian | 35 |
| HK-1.4 | – Pelarasan Kerugian Bagi Perniagaan Perintis | 36 |
| HK-2 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| HK-3 | – Tolakan Cukai Seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (Dividen) | 37 |

| Siri | | Helaian Kerja Muka Surat |
|-------------|--|-------------------------------------|
| HK-4A | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| HK-4B | – Butir-butir Harta / Aset Dan Jumlah Sewa | 39 |
| HK-5 | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Faedah / Royalti | 41 |
| HK-6 | – Tolakan Cukai Di Bawah Seksyen 110 (Lain-lain) | 42 |
| HK-7 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| HK-8 | – Pendapatan Daripada Negara Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 132 | 43 |
| HK-9 | – Pendapatan Daripada Negara Bukan Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 133 | 44 |
| HK-10 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| HK-11 | – Bayaran Tahun Asas Kepada Bukan Pemastautin (Cukai Pegangan) | 45 |

KANDUNGAN LAMPIRAN (Kertas Bertanda Cokelat)

| Siri | | Lampiran Muka Surat |
|----------------|---|--------------------------------|
| Lampiran A1 | – 1. Pendapatan Kasar Perniagaan | 1 |
| | – 2. Perbelanjaan Yang Dibenarkan | 1 |
| Lampiran A1.1 | – Peringatan Mengenai Keperluan Menyimpan Rekod Pelarasan/ Pengiraan Cukai Bagi Perniagaan | 3 |
| Lampiran B1 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| Lampiran B2 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| Lampiran B3 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| Lampiran B4 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| Lampiran B5 | – Tidak Berkenaan Dengan Borang TF (tidak dibukukan) | - |
| Lampiran C | – Kadar Pertukaran Wang Asing (Purata Tahunan) | 5 |
| Lampiran D | – Kod Tuntutan | 7 |
| Lampiran E | – Kod Negara | 9 |
| Lampiran F | – Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) | 14 |
| Lampiran G | – Kod Perniagaan | 17 |
| Lampiran H | – Ketetapan Umum Ketua Pengarah | 47 |
| Warta Kerajaan | – P.U.(A) 360 | 50 |

Pendahuluan

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengucapkan terima kasih kepada pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan membayar cukai pendapatan yang sepatutnya tahun demi tahun. Sumbangan cukai anda telah membantu membiayai pembangunan serta meningkatkan taraf sosio ekonomi negara.

Bagi mempercepat dan mempermudah lagi pelaksanaan tanggungjawab percukaian masing-masing, kerajaan telah memberi kepercayaan kepada pembayar cukai untuk menaksir dan membayar cukai mereka sendiri dengan pengenalan Sistem Taksir Sendiri (STS) mulai tahun taksiran 2004 bagi individu dan pembayar cukai bukan syarikat.

Borang yang dipermudahkan, penerangan mengenai cara mengisi borang serta panduan membuat pengiraan pendapatan bercukai dan cukai pendapatan telah disediakan untuk membantu pembayar cukai.

Apakah Buku Panduan Borang TF?

Buku panduan Borang TF mengandungi perkara-perkara berikut:

1. Panduan lengkap mengenai cara mengisi Borang TF.
2. Satu siri Helaian-helaian Kerja (siri HK-1 ...) untuk mengira pendapatan berkanun perniagaan dan kerugian-kerugian perniagaan:

| | |
|-----------|---|
| HK-1 | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan |
| HK-1B | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Perkongsian |
| HK-1C | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Bagi Pertubuhan Yang Menikmati Insentif Di Bawah Jadual 7A |
| HK-1D | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Bagi Pertubuhan Yang Menikmati Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak |
| HK-1E | – Pengiraan Pendapatan Berkanun Bagi Perniagaan Perintis |
| HK-1.1 | – Elaun Perlombongan |
| HK-1.1A | – Rumusan Elaun Perlombongan |
| HK-1.2 | – Rumusan Elaun Modal |
| HK-1.2.1 | – Elaun Pertanian |
| HK-1.2.1A | – Rumusan Elaun Pertanian |
| HK-1.2.2 | – Elaun Perhutanan |
| HK-1.2.2A | – Rumusan Elaun Perhutanan |
| HK-1.2.3 | – Elaun Bangunan Industri |
| HK-1.2.3B | – Rumusan Elaun Bangunan Industri |
| HK-1.2.4 | – Elaun Loji Dan Jentera |
| HK-1.2.4A | – Rumusan Elaun Loji Dan Jentera |
| HK-1.2A | – Rumusan Perbelanjaan Modal |
| HK-1.3 | – Pelarasan Kerugian Bagi Perniagaan Dan Perkongsian |
| HK-1.4 | – Pelarasan Kerugian Bagi Perniagaan Perintis |

3. 7 Helaian-helaian kerja lain seperti berikut:

- HK-3 – Tolakan Cukai Seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (Dividen)
- HK-4A – Tidak Berkenaan dengan Borang TF (tidak dibukukan)
- HK-4B – Butir-butir Harta / Aset Dan Jumlah Sewa
- HK-5 – Pengiraan Pendapatan Berkanun Faedah / Royalti
- HK-6 – Tolakan Cukai Di Bawah Seksyen 110 (Lain-lain)
- HK-7 – Tidak Berkenaan dengan Borang TF (tidak dibukukan)
- HK-8 – Pendapatan Daripada Negara Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 132
- HK-9 – Pendapatan Daripada Negara Bukan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali Dan Tuntutan Pelepasan Cukai Di Bawah Seksyen 133
- HK-10 – Tidak Berkenaan dengan Borang TF (tidak dibukukan)
- HK-11 – Bayaran Tahun Asas Kepada Bukan Pemastautin (Cukai Pegangan)

4. Satu siri Lampiran (Siri A) sebagai penerangan dan panduan untuk mengira pendapatan perniagaan:

- Lampiran A1 –
 1. Pendapatan Kasar Perniagaan
 2. Perbelanjaan Yang Dibenarkan
- Lampiran A1.1 – Peringatan Mengenai Keperluan Menyimpan Rekod Pelarasan/ Pengiraan Cukai Bagi Perniagaan

5. Lampiran lain bagi membolehkan maklumat dimasukkan ke dalam Borang TF seperti berikut:

- Lampiran C – Kadar Pertukaran Wang Asing (Purata Tahunan)
- Lampiran D – Kod Tuntutan
 1. Perbelanjaan Khas
 2. Potongan Selanjutnya
 3. Potongan Dua Kali
- Lampiran E – Kod Negara Di Mana Pertubuhan Bermastautin
- Lampiran F – Senarai Rujukan Bagi Negara Yang Menandatangani Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali
- Lampiran G – Senarai Kod Perniagaan Sebagai Panduan Untuk Mengisi Kod Bagi Perniagaan Yang Dijalankan Oleh Pertubuhan
- Lampiran H – Senarai Ketetapan Umum Ketua Pengarah Sebagai Panduan Untuk Mengira Pendapatan Seperti Yang Diperuntukkan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Peringatan Sebelum Mengisi Borang

Sila ambil maklum perkara-perkara berikut:

- (1) Sebuah pertubuhan yang didaftarkan atau diwujudkan untuk menjalankan aktiviti bagi kemudahan dan manfaat ahli atau memberi perkhidmatan kepada golongan/kumpulan orang tertentu, perlu melaporkan semua punca pendapatan dalam Borang TF.
Sebahagian definisi 'institusi' dan 'organisasi' boleh diperolehi daripada subseksyen 44(7) ACP 1967. Manakala definisi 'persatuan perdagangan' boleh dirujuk dalam subseksyen 53(3) ACP 1967. Sila rujuk subperenggan 13(b) Jadual 6 ACP 1967 untuk definisi 'institusi/organisasi keagamaan'.
- (2) Peraturan am mengisi Borang TF
 - i. Maklumat Asas
Isikan maklumat yang berkenaan sebagaimana didaftarkan.
 - ii. Bahagian A: Maklumat Pertubuhan
Isikan maklumat di ruangan yang berkenaan sahaja.
 - iii. Bahagian B: Pendapatan Berkanun, Jumlah Pendapatan dan Jumlah Cukai Yang Dikenakan (Bagi pertubuhan yang BERMASTAUTIN di Malaysia)
Isikan maklumat di ruangan yang berkenaan sahaja.
 - iv. Bahagian C: Pendapatan Berkanun, Jumlah Pendapatan dan Jumlah Cukai Yang Dikenakan (Bagi pertubuhan yang TIDAK BERMASTAUTIN di Malaysia)
Isikan maklumat di ruangan yang berkenaan sahaja.
 - v. Bahagian D: Cukai Kena Dibayar/Dibayar Balik
Bahagian ini perlu dilengkapkan sepenuhnya.
 - vi. Bahagian E: Kedudukan Cukai Tahun Taksiran 2011
Bahagian ini perlu dilengkapkan sepenuhnya.
 - vii. Bahagian F: Pendapatan Tahun Kebelakangan Yang Belum Dilaporkan
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.
 - viii. Bahagian G: Maklumat Pendapatan Perniagaan
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.
 - ix. Bahagian H: Perbelanjaan Khas, Potongan Selanjutnya Dan Potongan Dua Kali
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.
 - x. Bahagian J: Tuntutan Insentif
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.
 - xi. Bahagian K: Maklumat Kewangan Pertubuhan
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja. Petak-petak yang tidak diisi akan dianggap tidak berkenaan dengan pertubuhan ini.
 - xii. Bahagian L: Maklumat Pendapatan Yang Dikecualikan
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.
 - xiii. Akuan Pentadbir Utama Pertubuhan
Bahagian ini hendaklah dilengkapkan sepenuhnya dan ditandatangani oleh salah seorang pentadbir utama pertubuhan sama ada Pengerusi/Presiden, Bendahari atau Setiausaha. Jika tidak, Borang TF ini dianggap tidak lengkap dan akan dikembalikan semula kepada tuan.
 - xiv. Maklumat Firma dan Tandatangan Orang Yang Menyediakan Borang Nyata Ini
Isikan maklumat jika berkenaan sahaja.

Bahagian I - Borang TF

MAKLUMAT ASAS

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|---|---------------|----------|
| 1 | Nama Pertubuhan | Nama pertubuhan seperti didaftarkan. | - | - |
| | 1 Nama Pertubuhan | K E L A B K E B A J I K A N | | |
| 2 | No. Cukai Pendapatan | Nombor cukai pendapatan pertubuhan sebagaimana yang telah didaftarkan dengan LHDNM. | - | - |
| | 2 No. Cukai Pendapatan F | 0 1 2 3 4 5 6 7 0 9 | | |

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERTUBUHAN

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|---|---------------|------------|
| A1 | Pertubuhan Bermastautin Di Malaysia | Rujuk peruntukan di bawah seksyen 8 ACP 1967 untuk menentukan taraf mastautin pertubuhan. Amnya, pertubuhan dianggap bermastautin di Malaysia sekiranya pengurusan dan kawalan hal ehwalnya dijalankan di Malaysia pada bila-bila masa dalam tahun asas oleh pengarah-pengarahnya atau pihak berkuasa lain yang mengawalinya. | - | - |
| A2 | Negara Di mana Pengelolan Hal Ehwal dijalankan | Masukkan kod negara di mana hal ehwal pertubuhan dijalankan dengan merujuk kepada Lampiran E. | - | Lampiran E |
| A3 | Ketetapan Umum Dipatuhi | Ketetapan Umum memberi panduan kepada orang awam yang menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya. Sila rujuk senarai Ketetapan Umum di Lampiran H. Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web LHDNM. Isikan "1" jika setiap ketetapan dipatuhi. Jika satu atau lebih ketetapan tidak dipatuhi, isikan "2". | - | Lampiran H |
| A4 | Kelulusan Pengecualian Cukai | Jika pertubuhan telah mendapat pengecualian, isikan '1' di petak yang disediakan. Isikan '2' sekiranya permohonan untuk mendapat pengecualian tidak diluluskan atau pertubuhan ini tidak memohon untuk mendapatkan taraf pengecualian. | - | - |
| A5 | No. Kelulusan Pengecualian Cukai (jika ada) | Jika pertubuhan telah mendapat pengecualian, isikan nombor-kelulusan pengecualian berkenaan di ruang yang disediakan. | - | - |
| A6 | No. Sijil Pendaftaran (jika ada) | Jika pertubuhan mendaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, isikan nombor pendaftaran berkenaan di ruang yang disediakan. | - | - |
| A7 | Tarikh Ditubuhkan | Isikan tarikh penubuhan pertubuhan ini. | - | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaiian Kerja | Lampiran |
|-------|---|---|----------------|----------|
| A8 | Jenis Pertubuhan | <p>Rujuk peruntukan di bawah subseksyen 44(7) ACP 1967 untuk menentukan sama ada sesuatu pertubuhan itu termasuk dalam definisi sebuah 'institusi' atau 'organisasi'. Ini adalah merupakan sebahagian daripada definisi untuk merujuk kepada sesuatu kumpulan orang.</p> <p>Manakala definisi 'institusi/organisasi keagamaan' boleh didapati di subperenggan 13(b) Jadual 6 ACP 1967.</p> <p>Rujuk peruntukan di bawah subseksyen 53(3) ACP 1967 untuk menentukan sama ada pertubuhan boleh diklasifikasikan sebagai 'persatuan perdagangan'.</p> <p>Jika pertubuhan ini tidak boleh diklasifikasikan dalam mana-mana definisi di atas, gunakan nama pertubuhan sebagai asas pemilihan atau pilih '8' sebagai lain-lain jenis pertubuhan yang tidak termasuk dalam mana-mana kategori yang disenaraikan.</p> | - | - |
| A9 | Peratus Perbelanjaan Yang Digunakan Untuk Aktiviti Pertubuhan | <p>Isikan peratus belanja dari angka 0 hingga 100% berkaitan perbelanjaan yang telah dibuat dalam sesuatu tahun taksiran untuk menjalankan aktiviti utama atau tujuan utama sesuatu pertubuhan itu diwujudkan. Pengiraan peratusan perbelanjaan ini adalah merupakan angka perbandingan dengan pendapatan dan derma yang diperolehi dalam tahun sebelumnya.</p> <p>Pendapatan dan perbelanjaan yang dimaksudkan merangkumi semua bentuk hasil dan modal.</p> <p>contoh: susut nilai tidak dianggap sebagai belanja kerana ianya hanya merupakan peruntukan dan tidak dibelanjakan dalam etikata sebenar.</p> | - | - |
| A10 | No. Majikan | Nombor rujukan fail cukai pendapatan majikan (jika berkenaan). | - | - |
| A10a | Penyimpanan Rekod | Ini merujuk kepada penyimpanan rekod yang mencukupi seperti dikehendaki dalam peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Isikan "1" jika mematuhi atau "2" jika tidak. | - | - |
| A11 | Alamat Surat-menyurat Pertubuhan | Alamat yang digunakan untuk berurusan dengan LHDNM. | - | - |
| A12 | Alamat Berdaftar | Nyatakan alamat berdaftar pertubuhan sebagaimana dinyatakan dalam dokumen pendaftaran dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau dalam surat-menyurat pertubuhan rasmi, jika ada. | - | - |
| A13 | Alamat Di mana Rekod Pertubuhan Disimpan | Isikan '1' di dalam petak yang disediakan sekiranya rekod dan dokumen Pertubuhan ini disimpan di alamat surat-menyurat atau isikan '2' sekiranya disimpan di alamat berdaftar atau isikan '3' jika disimpan di alamat lain. | - | - |
| A14 | Alamat Lain (Jika A13 = 3) | Nyatakan alamat berkenaan jika jawapan di A13 ialah '3'. | - | - |
| A14a | Alamat Laman Web/ Blog | Alamat laman web atau blog (jika ada). | - | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|-------------------------------------|--|---------------|----------|
| A15 | Maklumat Pentadbir Utama Pertubuhan | Nyatakan nama pentadbir utama pertubuhan seperti pengerusi/presiden atau jawatan utama dalam carta organisasi pertubuhan ini. Isikan maklumat bendahari dan setiausaha pertama sahaja jika terdapat lebih dari seorang yang memegang jawatan ini. Isi nombor kad pengenalan atau nombor polis atau nombor tentera yang mana berkenaan di ruang A15b. Isi nombor pasport seperti di buku pasport di ruang A15c. | - | - |
| A16a | Nama Bank | Untuk tujuan pembayaran balik dikreditkan dari LHDNM (jika ada), nyatakan nama bank yang berkenaan. | - | - |
| A16b | No. Akaun Bank | Nombor akaun bank yang berkenaan. | - | - |
| A16c | Alamat Bank | Alamat bank yang berkenaan. | - | - |

BAHAGIAN B: PENDAPATAN BERKANUN, JUMLAH PENDAPATAN DAN JUMLAH CUKAI YANG DIKENAKAN**ISI BAHAGIAN B INI JIKA PERTUBUHAN BERMASTAUTIN DI MALAYSIA**

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---------------------------------------|---|---|-------------|
| B1 | Pemiagaan 1 | Jika pertubuhan menjalankan hanya satu pemiagaan, guna pemiagaan 1. Mulai tahun 2004 pemiagaan ini dikenali dengan 'pemiagaan 1'. Pengenalan ini akan berkekalan sehingga pemiagaan ini dibubarkan. Pemiagaan yang lain akan menggunakan 'pemiagaan 2' dan seterusnya. | - | - |
| | Kod pemiagaan | Dapatkan kod pemiagaan 1 dari Lampiran G. | - | Lampiran G |
| | Amaun | Pindahkan amaun J5 dari Helaian Kerja HK-1 / amaun N dari Helaian Kerja HK-1C / amaun L dari Helaian Kerja HK-1D ke ruang ini. | HK-1, HK-1C, HK-1D, HK-1.1 hingga HK-1.2A | Lampiran A1 |
| B2 | Pemiagaan 2 | Keterangan adalah seperti di B1 | Seperti B1 | Seperti B1 |
| B3 | Pemiagaan 3 + 4 dan seterusnya | Keterangan adalah seperti di B1 Sekiranya pertubuhan mempunyai lebih daripada 3 pemiagaan, sila jumlahkan pendapatan berkanun pemiagaan 3 dan seterusnya dan masukkan ke ruang ini. Sila senaraikan mengikut format B1 dan B2 bagi setiap pemiagaan dan kemukakan lampiran bersama Borang TF. | Seperti B1 | Seperti B1 |
| B4 | Perkongasian 1 | Perkongasian 1 seperti yang ditetapkan. | - | - |
| | No. Cukai Pendapatan | Nyatakan nombor cukai pendapatan perkongasian. Contoh : D 0123456709 | - | - |
| | Amaun | Amaun E/G/J dari Helaian Kerja HK-1B. | HK-1B | - |
| B5 | Perkongasian 2 | Keterangan adalah seperti di B4 | Seperti B4 | Seperti B4 |
| B6 | Perkongasian 3 + 4 dan seterusnya | Keterangan adalah seperti di B4 Sekiranya pertubuhan mempunyai lebih daripada 3 perkongasian, sila jumlahkan pendapatan berkanun perkongasian 3 dan seterusnya dan masukkan ke ruang ini. Sila senaraikan mengikut format B4 dan B5 bagi setiap perkongasian dan kemukakan lampiran bersama Borang TF. | Seperti B4 | Seperti B4 |
| B7 | Agregat pendapatan berkanun pemiagaan | Campurkan B1 hingga B6. | - | - |
| B8 | Rugi pemiagaan bawa hadapan | Kerugian pemiagaan yang belum diserap oleh pendapatan tahun taksiran sebelumnya. Amaun B dari Helaian Kerja HK-1.3 Jika amaun B8 melebihi B7, isikan amaun B7 dalam ruang ini. Jika tidak ada kerugian bawa hadapan, isikan '0' di ruang ini. | HK-1.3 | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---------------------------------|--|---------------|----------|
| B9 | Jumlah | B7 tolak B8. | - | - |
| B10 | Dividen | <p>Masukkan pendapatan berpunca dari dividen / pengagihan pendapatan daripada syarikat dan amanah unit [selain dari Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) atau Tabung Amanah Harta (PTF)] yang telah dikenakan cukai atas kadar cukai tahun semasa syarikat iaitu 25%. Helaian Kerja HK-3 perlu disertakan bersama Borang TF sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik seperti di ruangan D7.</p> <p>Amaun C(iii) dari Helaian Kerja HK-3.</p> | HK-3 | - |
| B11 | Faedah dan diskaun | <p>Faedah ialah wang yang dibayar bagi penggunaan wang atau pembahagian kepada si pemiutang keuntungan yang dianggap diterima oleh peminjam atau si berhutang dari penggunaan wang tersebut. Pendapatan dari faedah hendaklah dimasukkan sebagai pendapatan kasar apabila diterima bagi tempoh asas di mana pendapatan itu pertama kali boleh diterima.</p> <p>Amaun E dari Helaian Kerja HK-5.</p> <p>Diskaun - Pendapatan ini berpunca daripada pelaburan seperti bil perbendaharaan, bil pertukaran dan nota janji.</p> | HK-5 - | - - |
| B12 | Sewa, royalti dan premium | <p>Sewa - Penerimaan daripada sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain.</p> <p>Royalti bermaksud:-</p> <p>(a) apa-apa jumlah yang dibayar sebagai bayaran untuk penggunaan atau hak untuk menggunakan:</p> <p>(i) hakcipta, hasil kerja atau saintifik, paten reka bentuk atau model, pelan proses rahsia atau formula, jenama atau pita untuk siaran radio atau television atau harta atau hak lain yang serupa;</p> <p>(ii) pengetahuan atau maklumat tentang hal-hal teknikal, perindustrian, perdagangan atau pengetahuan pengalaman atau kemahiran saintifik;</p> <p>(b) pendapatan yang diperolehi dari pemindahan milik atas mana-mana harta, pengetahuan atau maklumat yang disebut dalam perenggan (a) definisi di atas.</p> <p>Amaun H dari Helaian Kerja HK-5</p> | HK-4B HK-5 | - - |
| B13 | Anuiti dan bayaran berkala lain | <p>Anuiti - Pendapatan berkanun anuiti ialah jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat pelaburan yang melayakkan pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh.</p> <p>Pendapatan berkanun anuiti juga antara lain adalah anuiti yang disyaratkan dibawah suratikatan sesebuah badan amanah.</p> <p>Bayaran Berkala Lain - Bayaran yang dibuat berulang kali dalam tempoh masa tertentu.</p> | - | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---|---|------------------------------------|----------|
| B14 | Apa-apa perolehan atau keuntungan lain | Pendapatan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas. Helaian Kerja HK-6 dan dokumen yang berkenaan perlu dikemukakan semasa pengembalian Borang TF sekiranya layak menuntut pembayaran balik. | - | - |
| B15 | Tambahan mengikut peruntukan perenggan 43(1)(c) | Perolehan-perolehan berikut dianggap pendapatan dan diambil kira di peringkat pendapatan agregat: ☆ Perolehan berkaitan dengan perbelanjaan operasi mencarigali di bawah Jadual 4 ACP 1967. ☆ Perolehan boleh diambil kira dalam pengiraan cukai jika tuntutan-tuntutan perbelanjaan telah dibuat. ☆ Rujuk kepada perenggan 43(1)(c) dan perenggan 16 Jadual 4 untuk membuat pengiraan pendapatan yang perlu dimasukkan sebagai pendapatan agregat. ☆ Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan ☆ Masukkan amaun hasil pengiraan ke dalam ruang ini. | - | - |
| B16 | Agregat pendapatan berkanun lain | Jumlah amaun B10 hingga B15 | - | - |
| B17 | Pendapatan Agregat | B9 campur B16 | - | - |
| B18 | Rugi perniagaan tahun semasa | Kerugian perniagaan tahun semasa boleh ditolak daripada jumlah pendapatan agregat. <i>Contoh:</i> Kerugian perniagaan dalam tahun 2011 ditolak daripada pendapatan agregat bagi tahun 2011. Buat pelarasan kerugian di Helaian Kerja HK-1.3 (jika berkenaan) Rugi larasan perniagaan dikira berpandukan format Helaian Kerja HK-1/HK-1C/HK-1D. Campur semua kerugian larasan jika pertubuhan menjalankan lebih daripada satu perniagaan dan masukkan amaun tersebut ke perenggan D Helaian Kerja HK-1.3. B18 adalah amaun E dari Helaian Kerja HK-1.3. Amaun B18 terhad kepada amaun B17, jika amaun B18 melebihi B17 masukkan amaun B17 ke ruang ini. | HK-1, HK-1C HK-1D dan HK-1.3 | - |
| B19 | Jumlah | B17 tolak B18 | - | - |
| B20 | Perbelanjaan mencarigali | Rujuk kepada perenggan 44(1)(b) dan Jadual 4 ACP 1967 untuk menentukan kelayakan. Rujuk kepada perenggan 5 Jadual 4 untuk membuat pengiraan. Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan. Masukkan tuntutan (baki tahun-tahun sebelum dan tuntutan tahun semasa) di ruang ini. Amaun ini terhad kepada B19. | - | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|--|---|----------|
| | | Baki yang tidak boleh diserap oleh B19 (jika ada) dimasukkan ke ruang J3 Borang TF. | | |
| B21 | Jumlah | B19 tolak B20. Jika hasil tolakan adalah negatif, isikan "0" dalam ruangan ini. | - | - |
| B22 | Hadiah wang kepada Kerajaan/ Kerajaan Tempatan | Hadiah wang tunai kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan. Subseksyen 44(6) | - | - |
| B22A | Hadiah wang kepada institusi atau organisasi diluluskan | Hadiah wang tunai kepada institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Proviso subseksyen 44(6) | Terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat di ruang B17 | |
| B23 | Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan atau badan sukan yang diluluskan | Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Subseksyen 44(11b) | | |
| B24 | Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan | Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri. Subseksyen 44(11c) | | |
| B25 | Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan | Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Muzium Malaysia atau Ketua Pengarah Arkib Negara. Subseksyen 44(6A) | - | - |
| B26 | Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan | Sumbangan wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah/institusi pendidikan tinggi. Subseksyen 44(8) | - | - |
| B27 | Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau Balai Seni Lukis Negeri | Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana Balai Seni Lukis Negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau Balai Seni Lukis Negeri. Subseksyen 44(11) | - | - |
| B28 | Zakat pemiagaan | Amaun yang boleh dituntut adalah terhad kepada 2.5% daripada pendapatan agregat di B17. Subseksyen 44(11A) | - | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---|--|---------------|----------|
| B29 | Jumlah derma dan hadiah | B22 hingga B28 | - | - |
| B30 | Jumlah | B21 tolak B29. Jika hasil tolakan adalah negatif, isikan "0" dalam ruangan ini. | - | - |
| B31 | Pendapatan perintis kena cukai | Taraf perintis adalah insentif percukaian yang terkandung dalam seksyen 5 hingga seksyen 25 Akta Penggalakan Pelaburan (APP) 1986. Ianya memberi pengecualian cukai kepada individu untuk keseluruhan atau sebahagian pendapatan perniagaan yang berupa aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan berhubung dengan pertanian . Rujuk kepada Helaian Kerja HK-1E untuk mendapatkan jumlahnya (jika berkenaan). | HK-1E | - |
| B32 | Jumlah pendapatan/ Pendapatan Bercukai | B30 campur B31 | - | - |
| B33 | PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN | Rujuk jadual dan contoh pengiraan yang disediakan di bawah. | - | - |

JADUAL CUKAI

| KATEGORI | BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a) | PENGIRAAN CUKAI RM (b) | KADAR % (c) | CUKAI RM (d) |
|----------|----------------------------------|--|-------------|-----------------|
| A | 0 - 2,500 | 2,500 pertama | 0 | 0 |
| B | 2,501 - 5,000 | 2,500 berikutnya | 1 | 25 |
| C | 5,001 - 10,000 | 5,000 pertama 5,000 berikutnya | 3 | 25 150 |
| D | 10,001 - 20,000 | 10,000 pertama 10,000 berikutnya | 3 | 175 300 |
| E | 20,001 - 35,000 | 20,000 pertama 15,000 berikutnya | 7 | 475 1,050 |
| F | 35,001 - 50,000 | 35,000 pertama 15,000 berikutnya | 12 | 1,525 1,800 |
| G | 50,001 - 70,000 | 50,000 pertama 20,000 berikutnya | 19 | 3,325 3,800 |
| H | 70,001 - 100,000 | 70,000 pertama 30,000 berikutnya | 24 | 7,125 7,200 |
| I | Lebih 100,000 | 100,000 pertama Setiap ringgit berikutnya | 26 | 14,325 |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran | | | | | |
|---|---|---|---|---|--|--|---|---|---|
| B33a | Cukai ke atas yang pertama | Cara Pengiraan Cukai Sesuaikan amaun di B32 Borang TF (pendapatan bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan di dalam jadual kadar cukai. | - | - | | | | | |
| B33b | Cukai ke atas baki | <p>Contoh: Pendapatan bercukai di B32 RM 15,550 Guna pengiraan di kategori D jadual cukai seperti berikut:</p> <p>Cukai ke atas RM 10,000 yang pertama RM 175.00 Cukai ke atas baki RM 5,550 @ 3% RM 166.50 Jumlah cukai pendapatan RM 341.50</p> <p>Masukkan dalam Borang TF di ruang B33a dan B33b seperti berikut:</p> <p>Cukai ke atas yang pertama</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 0 0 0 0 </div> </td> <td style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 7 5 0 0 </div> </td> </tr> </table> <p>Cukai ke atas baki Atas Kadar (%)</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 5 5 5 0 </div> </td> <td style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 0 3 </div> </td> <td style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 6 6 5 0 </div> </td> </tr> </table> | <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 0 0 0 0 </div> | <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 7 5 0 0 </div> | <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 5 5 5 0 </div> | <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 0 3 </div> | <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 6 6 5 0 </div> | - | - |
| <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 0 0 0 0 </div> | <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 7 5 0 0 </div> | | | | | | | | |
| <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 5 5 5 0 </div> | <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 0 3 </div> | <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%;"> 1 6 6 5 0 </div> | | | | | | | |
| B34 | Jumlah Cukai Yang Dikenakan | B33a campur B33b. | - | - | | | | | |

BAHAGIAN C: PENDAPATAN BERKANUN, JUMLAH PENDAPATAN DAN JUMLAH CUKAI YANG DIKENAKAN

ISI BAHAGIAN C INI JIKA PERTUBUHAN TIDAK BERMASTAUTIN DI MALAYSIA

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|----------|---|--|---------------|------------|
| C1 - C31 | | Keterangan adalah seperti di B1 hingga B31 (kecuali faedah dan royalti). | - | - |
| C32 | Jumlah | C30 campur C31 | - | - |
| C33 | Pendapatan kasar yang tertakluk kepada kadar cukai lain | <p>Pendapatan yang tertakluk kepada kadar cukai lain di mana kadarnya ditentukan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) adalah diasingkan daripada pendapatan lain yang disenaraikan dalam C1 hingga C15.</p> <p>Dapatkan kadar cukai berkenaan dari Lampiran F atau Akta Cukai Pendapatan 1967 jika tiada PPPDK.</p> | - | Lampiran F |
| C33a | Faedah | Isikan jumlah pendapatan kasar faedah yang dikenakan cukai. | - | - |
| C33b | Royalti | Masukkan jumlah pendapatan kasar royalti yang dikenakan cukai. | - | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran | | | | | | | | | | | | |
|---|--|--|----------------------|----------|--|--|-----------|----------------------|------|-----------|----|-------------|------|-----------|----|-------------|
| Masukkan amaun ini ke ruang C35d dan C35f dalam borang TF seperti berikut dengan merujuk kepada kadar cukai di Lampiran F: | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;"></th> <th style="width: 35%;">Pendapatan kasar tertakluk kepada kadar cukai lain</th> <th style="width: 10%;">Kadar (%)</th> <th style="width: 35%;">Cukai Yang Dikenakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">C35d</td> <td style="text-align: center;">5 0 0 0 0</td> <td style="text-align: center;">10</td> <td style="text-align: center;">5 0 0 0 0 0</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">C35f</td> <td style="text-align: center;">1 0 0 0 0</td> <td style="text-align: center;">15</td> <td style="text-align: center;">1 5 0 0 0 0</td> </tr> </tbody> </table> | | | | | | Pendapatan kasar tertakluk kepada kadar cukai lain | Kadar (%) | Cukai Yang Dikenakan | C35d | 5 0 0 0 0 | 10 | 5 0 0 0 0 0 | C35f | 1 0 0 0 0 | 15 | 1 5 0 0 0 0 |
| | Pendapatan kasar tertakluk kepada kadar cukai lain | Kadar (%) | Cukai Yang Dikenakan | | | | | | | | | | | | | |
| C35d | 5 0 0 0 0 | 10 | 5 0 0 0 0 0 | | | | | | | | | | | | | |
| C35f | 1 0 0 0 0 | 15 | 1 5 0 0 0 0 | | | | | | | | | | | | | |
| C36 | Jumlah Cukai Yang Dikenakan | Campurkan semua amaun dari C35a hingga C35g. | - | - | | | | | | | | | | | | |

BAHAGIAN D: CUKAI KENA DIBAYAR / DIBAYAR BALIK

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---|---|---------------|------------|
| D1 | Jumlah Cukai Yang Dikenakan | Pindahkan amaun dari B34 atau C36 | - | - |
| D2 | Tolakan cukai seksyen 51 Akta Kewangan 2007 (dividen) | Buat pengiraan di Helaian Kerja HK-3. Sertakan Helaian Kerja HK-3 sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik. Amaun D dari Helaian Kerja HK-3 | HK-3 | - |
| D3 | Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain) | Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah. Sertakan Helaian Kerja HK-6 sekiranya pertubuhan ini layak menuntut pembayaran balik. Amaun B dari Helaian Kerja HK-6 | HK-6 | - |
| D4 | Pelepasan cukai seksyen 132 | Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Rujuk Lampiran F untuk menentukan negara-negara yang memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP dan Helaian Kerja HK-8 untuk membuat pengiraan kredit. | HK-8 | Lampiran F |
| D5 | Pelepasan cukai seksyen 133 | Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Negara-negara ini tidak memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP dan Helaian Kerja HK-9 untuk membuat pengiraan kredit. | HK-9 | - |
| D6 | Cukai kena dibayar | D1 tolak (D2 hingga D5). | - | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--------------------------|---|------------------------|----------|
| D7 | Cukai kena dibayar balik | (D2 hingga D5) tolak D1. Ruang ini dikenakan sekiranya tolakan dan pelepasan di ruang D2 hingga D5 melebihi jumlah D1. Kemukakan Helaian Kerja HK-3/HK-6/HK-8/HK-9 bersama Borang TF. | HK-3/HK-6 HK-8/HK-9 | - |

BAHAGIAN E: KEDUDUKAN CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2011

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|---|----------------------------|---|---------------|----------|
| Pelarasan antara cukai kena dibayar dan cukai telah dibayar (melalui skim ansuran) dibuat dalam bahagian ini. | | | | |
| E1 | Cukai kena dibayar | Amaun dari D6. Jika layak mendapat bayaran balik seperti di ruang D7, isikan '0' di ruangan ini. | - | - |
| E2 | Ansuran yang telah dibayar | Masukkan amaun bayaran ansuran yang telah dibuat bagi tahun taksiran semasa. Bayaran untuk tahun kebelakangan tidak termasuk dalam ruangan ini. | - | - |
| E3 | Baki cukai kena dibayar | E1 tolak E2 Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. Gunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP501) yang dilampirkan bersama borang apabila membuat bayaran di kaunter LHDNM atau menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh pihak bank sekiranya membuat bayaran di kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank), EON Bank dan Affin Bank Berhad (ABB). | - | - |
| E4 | Cukai terlebih bayar | E2 tolak E1 | - | - |

BAHAGIAN F: PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|---------|--|---------------|----------|
| F1-F3 | | Isikan jenis pendapatan dan amaun kasar yang diterima dikenakan dengan suatu tahun terdahulu yang belum dilaporkan. Gunakan lampiran berasingan seperti format F1 hingga F3 sekiranya ruangan tidak mencukupi. | - | - |

BAHAGIAN G: MAKLUMAT PENDAPATAN PERNIAGAAN

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|----------------------------------|--|--------------------------|----------|
| G1a | Baki kerugian tahun semasa | Kerugian perniagaan/perkongsi tahun semasa yang tidak diserap. Amaun F dari HK-1.3 | HK-1.3 | - |
| G1b | Baki kerugian tahun kebelakangan | Baki kerugian tahun sebelum yang tidak diserap. Amaun C dari HK-1.3 | HK-1.3 | - |
| G1c | Kerugian hantar hadapan | G1a campur G1b Atau Amaun G dari Helaian Kerja HK-1.3 | HK-1.3 | - |
| G1d | Kerugian Perintis | Kerugian perniagaan perintis hendaklah disimpan berasingan daripada kerugian perniagaan lain kerana ianya hanya boleh diserap oleh perniagaan pendapatan perintis sahaja. | HK-1.4 | - |
| | Amaun diserap | Masukkan amaun kerugian perintis yang telah diserap dalam ruang ini. Amaun D dari Helaian Kerja HK-1.4 | HK-1.4 | - |
| | Baki hantar hadapan | Masukkan amaun baki kerugian yang belum diserap dalam ruang ini. Amaun E dari Helaian Kerja HK-1.4 | HK-1.4 | - |
| G2 | Elaun modal | Elaun modal yang dituntut dalam pengiraan pendapatan berkanun perniagaan. | - | - |
| G2a | Perniagaan 1 | Sama dengan perniagaan 1 di ruang B1/C1 Borang TF | - | - |
| | Elaun diserap | Elaun modal yang diserap dalam tahun semasa bagi perniagaan 1. Amaun K5 dari Helaian Kerja HK-1 atau Amaun Q5 dari Helaian Kerja HK-1C atau Amaun N5 dari Helaian Kerja HK-1D | HK-1/ HK-1C/ HK-1D | - |
| | Baki hantar hadapan | Amaun K6 dari Helaian Kerja HK-1 atau Amaun Q6 dari Helaian Kerja HK-1C atau Amaun N6 dari Helaian Kerja HK-1D | HK-1/ HK-1C/ HK-1D | - |
| G2b | Perniagaan 2 | Keterangan adalah seperti G2a | Seperti G2a | - |
| G2c | Perniagaan 3 + 4 dan seterusnya | Keterangan adalah seperti G2a. | Seperti G2a | - |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|----------------------------------|---|---------------|------------|
| G2d | Perkongsian 1 | Sama dengan perkongsian 1 di ruang B4/C4 Borang TF | - | - |
| | Elaun diserap | Elaun modal yang diserap dalam tahun semasa bagi perkongsian 1. Amaun D / K4 dari Helaian Kerja HK-1B atau | HK-1B | - |
| | Baki hantar hadapan | Amaun K5 dari Helaian Kerja HK-1B | HK-1B | - |
| G2e | Perkongsian 2 | Keterangan adalah seperti G2d | Seperti G2d | - |
| G2f | Perkongsian 3 + 4 dan seterusnya | Keterangan adalah seperti G2d | Seperti G2d | - |
| G3a | 107A | Cukai pegangan seksyen 107A Jumlah Kasar Dibayar Amaun kasar bahagian perkhidmatan kontrak yang dibuat kepada kontraktor bukan mastautin mengikut peruntukan seksyen 107A. Jumlah cukai yang dipegang dan diremit ke LHDNM 10% atas jumlah kasar [perenggan 107A(1)(a)]. Tambah 3% atas jumlah kasar [perenggan 107A(1)(b)]. (Peraturan dan prosedur membuat bayaran kepada Cawangan Pungutan LHDNM hendaklah dipatuhi). | HK-11 | - |
| G3b | 109 | Cukai pegangan seksyen 109 – kadar cukai seperti yang ditetapkan dalam Bahagian II, Jadual 1, ACP 1967 kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali. (Rujuk Lampiran F) Jumlah Kasar Dibayar Jumlah bayaran kasar yang dibuat sebelum apa-apa tolakan. | HK-11 | Lampiran F |
| G3c | 109A | Cukai pegangan seksyen 109A - 15% Jumlah Kasar Dibayar Keterangan seperti G3b | HK-11 | - |
| G3d | 109B | Cukai pegangan seksyen 109B - kadar cukai seperti yang ditetapkan dalam Bahagian V, Jadual 1, ACP 1967 kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali. (Rujuk Lampiran F) Jumlah Kasar Dibayar Keterangan seperti G3b | HK-11 | Lampiran F |
| G3e | 109F | Cukai pegangan seksyen 109F - 10% Jumlah Kasar Dibayar Keterangan seperti G3b | HK-11 | - |

BAHAGIAN H: PERBELANJAAN KHAS, POTONGAN SELANJUTNYA DAN POTONGAN DUA KALI

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|---------|-----------------|--|---------------|------------|
| H1 – H4 | KOD TUNTUTAN | Gunakan kod tuntutan seperti di Lampiran D | - | Lampiran D |
| H5 | JUMLAH DITUNTUT | Campurkan amaun H1 hingga H4 | - | - |

BAHAGIAN J: TUNTUTAN INSENTIF

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|--|--|---------------|----------|
| J1 | Elaun Jadual 7A | <p>Insentif ini diberi kepada pertubuhan yang menjalankan perniagaan penternakan ayam dan itik yang menukar daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup; atau membesarkan sistem reban tertutup sedia ada yang diluluskan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.</p> <p>Insentif ini boleh dituntut sekiranya terdapat baki elaun 7AI yang belum diserap sepenuhnya (perenggan 4 Jadual 7A).</p> <p>Rujuk kepada perenggan 3 Jadual 7A ACP 1967 untuk membuat pengiraan.</p> <p>Simpan dokumen asal berhubung dengan perbelanjaan modal yang layak, borang permohonan dan pengiraan elaun secara terperinci untuk semakan.</p> <p>Gunakan Helaian Kerja HK-1B/HK-1C untuk membuat pengiraan pendapatan berkanun dan pelarasan tuntutan Jadual 7A.</p> | HK-1B, HK-1C | - |
| | Amaun diserap | Pindahkan amaun elaun pelaburan semula (EPS) yang diserap iaitu amaun dari ruang L4 Helaian Kerja HK-1B/ P4 Helaian Kerja HK-1C ke dalam ruang yang disediakan. | | |
| | Baki hantar hadapan | Pindahkan baki EPS yang belum diserap (Baki hantar hadapan) iaitu amaun dari ruang L5 Helaian Kerja HK-1B/ P5 Helaian Kerja HK-1C ke dalam ruang yang disediakan. Jika tiada baki, Isikan '0'. | | |
| J2 | Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan | Rujuk kepada Perintah Cukai Pendapatan [Pengecualian (No 9) 2002] untuk menentukan kelayakan. | HK-1B, HK-1D | - |
| | Amaun diserap | Pindahkan amaun dari ruang M4 Helaian Kerja HK-1B/ M7 Helaian Kerja HK-1D ke ruang ini. | | |
| | Baki hantar hadapan | Pindahkan baki elaun yang belum diserap (baki hantar hadapan) iaitu amaun dari ruang M5 Helaian Kerja HK-1B/ M8 Helaian Kerja HK-1D ke dalam ruang yang disediakan. Jika tiada baki isikan '0'. | | |

| Ruang | Perkara | Keterangan | Helaian Kerja | Lampiran |
|-------|-----------------------|--|---------------|----------|
